



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**JAMUAN PERPADUAN SEMPENA TAHUN BAHARU CINA &
MAJLIS BUKA PUASA**

27 FEBRUARI 2026 (JUMAAT)

6.30 MALAM

FO GUANG SHAN DONG ZAN TEMPLE

JENJAROM

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

**diberikan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada **Fo Guang Shan Dong Zen Temple, Persatuan Buddha's Light Antarabangsa Malaysia, Persatuan Belia Buddha's Light Antarabangsa Malaysia dan Persatuan Kebudayaan Jenjarom** atas jemputan saya ke majlis jamuan Sambutan Tahun Baharu Cina dan Majlis Berbuka Puasa yang penuh meriah dan warna-warni ini.
2. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan **Selamat Tahun Baharu Cina dan Salam Ramadan (yang dipanggil sebagai Kongsi Ramadan)** kepada semua yang hadir pada petang ini. Semoga tahun ini membawa kesihatan, kemakmuran dan keharmonian kepada kita semua.
3. Sambutan perayaan seperti ini lebih daripada sambutan kebudayaan. Inilah saat-saat yang menyatukan keluarga, mengeratkan kembali hubungan sahabat, serta mengingatkan

kita akan nilai-nilai yang kita kongsi sebagai rakyat Malaysia iaitu **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan.**

4. **Tahniah kepada Fo Guang Shan Dong Zen Temple atas penganjuran *Peace and Harmony Lantern Festival* sempena sambutan Tahun Baharu Cina pada setiap tahun** yang menarik pengunjung dengan keindahan hiasan lampu serta suasana penuh simbolik perpaduan. Festival ini telah menjadi antara sambutan Tahun Baharu Cina yang paling dinantikan di Malaysia, dengan kehadiran melebihi 500,000 pengunjung pada tahun 2025.
5. Fo Guang Shan Dong Zen Temple ini bukan sahaja berperanan sebagai tempat ibadat, malah muncul sebagai destinasi pelancongan terkenal yang menarik kehadiran pelawat dari dalam dan luar negara. Lebih daripada itu, penganjuran festival tersebut berjaya **menghubungkan komuniti setempat melalui warisan budaya**, sekali gus memperkukuh semangat perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. **Inilah contoh terbaik bagaimana rumah ibadat mampu menjadi pusat komuniti.**

INDEKS PERPADUAN NASIONAL

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Untuk makluman semua, beberapa hari yang lalu, Kementerian Perpaduan Negara telah mengumumkan dapatan kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2025 yang dijalankan dengan kerjasama Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) dan PakarRunding Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Hasil kajian tersebut mendapati **IPNas 2025 mencatatkan skor 0.701, sekali gus melepasi paras sederhana tinggi dan mencapai sasaran RMK-12**, menunjukkan perpaduan rakyat Malaysia semakin kukuh dengan semangat kebangsaan dan keyakinan terhadap tadbir urus negara yang lebih mantap. Trend sejak 2018 memperlihatkan peningkatan konsisten daripada 0.567 ke 0.629 (tahun 2022) dan akhirnya 0.701 (tahun 2025), menggambarkan pengukuhan berterusan tahap perpaduan nasional.
8. Hasil kajian ini juga merekodkan bahawa **Negeri Pahang merekodkan skor 0.817**, menunjukkan perpaduan paling kukuh di negara ini, diikuti **Melaka dengan skor 0.816** yang menandakan tahap perpaduan yang tinggi, manakala **Sarawak**

pula mencatat skor 0.791, menggambarkan perpaduan yang kukuh dan konsisten di kalangan rakyatnya.

9. Tadbir Urus dan Pembangunan adalah faktor utama yang mempengaruhi perpaduan negara. Ini merujuk kepada kecekapan, keadilan dan ketelusan kerajaan dalam pengurusan kuasa, sumber oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. Enam (6) komponen utama tadbir urus yang harus diberikan perhatian adalah iaitu **pengurusan ekonomi, politik, jenayah, perkhidmatan awam, kemudahan awam dan pengurusan masyarakat.**

10. Hasil kajian ini secara keseluruhan mencerminkan bahawa perpaduan nasional berada pada landasan yang positif dan semakin mengukuh. Kerajaan MADANI akan terus mempergiat usaha memperkukuh integrasi nasional melalui pendekatan inklusif, berasaskan data dan intervensi berfokus bagi memastikan keharmonian dan kestabilan negara terus terpelihara.

KEPELBAGAIAN ASET NEGARA

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

11. **Malaysia dianugerahkan kepelbagaian kaum, agama dan budaya yang menjadi aset paling besar negara.** Keunikan ini bukan sekadar warisan sejarah, malah merupakan kekuatan yang membentuk identiti nasional serta menjadi asas kepada kestabilan dan kemajuan. Kepelbagaian yang diurus dengan bijaksana akan terus memperkukuh daya tahan sosial dan memperkayakan jati diri negara bangsa.
12. **Perpaduan adalah amanat bersama yang mesti dipikul oleh semua pemimpin, institusi, masyarakat sivil dan rakyat akar umbi.**
13. Dalam konteks masyarakat majmuk, **kita wajib menghormati sensitiviti agama dan budaya antara satu sama lain serta mengamalkan sikap saling menghormati demi menjamin kestabilan negara.** Rakyat tidak harus terpengaruh dengan mana-mana pihak yang menggunakan sentimen agama atau perkauman untuk menimbulkan perpecahan.

14. Pada masa yang sama, **tatasusila dalam penggunaan media perlu diperkukuh kerana media sosial kini menjadi cabaran baharu kepada perpaduan.** Polarisasi yang digerakkan oleh *algoritma* dan fenomena “*echo chamber*” sering kali mencipta persepsi yang tidak mencerminkan realiti sebenar perpaduan di peringkat akar umbi, sekali gus berpotensi menghakis kepercayaan antara masyarakat.
15. Sehubungan itu, **agenda pembinaan negara bangsa yang berteraskan perkongsian identiti bersama mesti terus diangkat dan didukung oleh rakyat di semua peringkat.** Hanya dengan semangat kebersamaan, saling percaya dan komitmen kolektif, kita mampu memastikan Malaysia kekal aman, bersatu dan makmur untuk generasi akan datang.

PENUTUP

16. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur serta semua hadirin yang bersama-sama memeriahkan majlis pada hari ini. Sempena Tahun Baharu Cina dan Bulan Ramadan ini, marilah kita perbaharui komitmen sebagai rakyat Malaysia untuk faham, hormat, terima dan meraikan kepelbagaian demi masa depan negara yang aman, bersatu dan penuh harapan.

Sekian, terima kasih.